

20/01/1998

Cyberview mahu pinjam RM1.6 bilion

CYBERVIEW Sdn Bhd bercadang mendapatkan pinjaman bernilai RM1.6 bilion bagi melaksanakan pembangunan projek perbandaran bandar teknologi tinggi dan multimedia Cyberjaya, kata Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Karim Abu Bakar.

Katanya, pinjaman itu yang dilaksanakan tidak lama lagi digunakan bagi membiayai kerja pembangunan infrastruktur asas kawasan 2,800 hektar di bandar itu.

Menurut beliau, Cyberview Sdn Bhd sudah membuat pelaburan kapital RM350 juta.

Jumlah itu digunakan bagi membangunkan infrastruktur asas, jabatan dan jalan raya di bandar itu bagi fasa pertama projek Cyberjaya.

Abdul Karim berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Persidangan Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Sepang, Selangor, semalam.

Persidangan keempat yang membincangkan status pembangunan MSC, dipengerusi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta semua ahli majlis penasihat MSC.

Abdul Karim berkata instrumen bagi pinjaman itu masih dikaji.

Cyberview akan memilih kaedah terbaik terutama dalam keadaan ekonomi semasa.

Cyberview, konsortium yang bertanggungjawab membangunkan perbandaran teknologi tinggi Cyberjaya mempunyai modal berbayar RM350 juta dan modal dibenarkan RM2 bilion.

Lima syarikat dalam konsortium itu terdiri daripada Setia Haruman Sdn Bhd yang akan mempunyai 55 peratus ekuiti, Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) 15 peratus, Golden Hope Plantation Bhd (10 peratus), Permodalan Nasional Bhd (lima peratus), Kerajaan Negeri Selangor (lima peratus) dan MDC memegang baki 10 peratus ekuiti.

Setia Haruman ialah syarikat kerjasama antara Renong Bhd, Landmarks Bhd, Country Heights Holdings Bhd dan Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar Kumpulan MK.

Bandar bertari itu akan menjadi hub terbesar khusus bagi kerja pembangunan dan penyelidikan (R&D) ujian pelbagai komponen teknologi maklumat (IT) dan kandungan multimedia sebelum ia diguna di dalam dan luar negara.

(END)